

Berita Harian (08/04/04)

Radiasi telefon bimbit rosakkan sel darah: Saintis

LONDON: Sekumpulan saintis mendakwa radiasi telefon bimbit berkemungkinan besar merosakkan sel darah merah dengan meningkatkan tenaga yang dihasilkan sel terbabit.

Perbadanan Penyiaran Britain (BBC) memetik edisi terbaru New Scientist melaporkan, penemuan itu boleh menjadi kunci kepada dakwaan yang penggunaan telefon bimbit boleh menyebabkan barah dan masalah kesihatan lain.

Pakar perubatan Sweden terbabit mengkaji kesan radiasi elektromagnetik ke atas sel darah merah menggunakan satu teori matematik.

Pakar sebaliknya mengambil pendekatan berbeza dengan mendakwa kajian itu cuma satu teori dan tiada sebarang bukti mengaitkannya sebagai ancaman kesihatan.

Beberapa dakwaan sebelum ini mengaitkan penggunaan telefon bimbit boleh menyebabkan ketumbuhan otak dan penyakit Alzheimer biarpun penyelidikan tidak lengkap.

Tanggapan konvensional pula menyatakan gelombang radio hanya boleh merosakkan sel jika ia berupaya memecahkan talian kimia atau 'memanaskan' tisu.

Tetapi radiasi dilepaskan telefon bimbit sebaliknya dikatakan terlalu lemah untuk berbuat demikian.

Namun, penyelidik Universiti Linköping, Sweden, Bo Sernelius pula melihat kepada kemungkinan lain dengan mengkaji unsur-unsur sel darah merah.

Molekul air pula mempunyai hujung caj positif dan negatif yang menghasilkan tenaga di antara sel terbabit. Tenaga ini lazimnya amat lemah iaitu kira-kira satu bilion bagi setiap newton.

Model teori matematik yang dipermudahkan itu mengkaji kesan radiasi elektromagnetik pada pada tahap 850 megahertz iaitu menyamai paras dilepaskan telefon bimbit ke atas sel darah merah.

Molekul terbabit sebaliknya mempamerkan keputusan yang mana hujungnya menghala ke arah sama dan tenaga antara sel itu tanpa disangka melonjak kepada kira-kira 11 aras magnitud.

Jika disahkan menerusi penyelidikan, keputusan itu boleh memberi penjelasan berhubung kerosakan tisu. Ini kerana, tenaga lebih kuat yang dihasilkan oleh sel darah merah terbabit boleh menjadikan sel berkenaan bergumpal, kata New Scientist.

Timbalan Editor Jurnal Physical Chemistry Chemical Physics, Katie Daniel menyifatkan penemuan terbaru itu penting kerana menimbulkan kesan radiasi elektromagnetik dan kaitan dengan tenaga yang boleh menghasilkan bahang dan merosakkan tisu. – Agensi